

# Ireka beli tanah bersebelahan KLCC bangun apartmen mewah

KUALA LUMPUR 11 Dis. - Ireka Corporation Bhd. (Ireka) berjaya memiliki tanah seluas 43,559 kaki persegi (kira-kira seekar) bersebelahan dengan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan harga RM87.12 juta.

Tanah itu terletak di Jalan Kia Peng dan kira-kira lima minit berjalan kaki ke Menara Berkembar Petronas dan Taman KLCC.

Ireka dalam kenyataannya berkata, syarikat itu telah menandatangani perjanjian

jual dan beli (SPA) tanah itu untuk dibangunkan menara tunggal bagi apartmen perkhidmatan mewah dengan nilai pembangunan kasar RM272 juta.

Pengerusinya, Abdullah Yusof berkata, syarikat itu gembira kerana berjaya membeli tanah tersebut memandangkan ia merupakan lokasi eksklusif di negara ini, selain menjadi pilihan pelaburan hartanah antarabangsa.

"Kita akan menjalinkan kerjasama dengan Aseana Properties Ltd., sebuah syarikat yang disenaraikan di London untuk membangunkan bersama kediaman perkhidmatan mewah itu," katanya.

Katanya, pembangunan itu akan dijalankan berdasarkan nisbah 30:70.

Abdullah menambah, perjanjian bersama itu adalah tertakluk kepada penyelesaian SPA, pengarah-pengarah Aseana berpuas hati dengan transaksi yang adil serta memenuhi peruntukan serta mendapat sokongan penilaian

bebas dan pelupusan sebanyak 70 peratus saham untuk diberikan kepada Aseana.

Beliau menyifatkan sekarang adalah masa yang tepat bagi pembelian tanah tersebut, sejajar dengan keyakinan semula pembeli selepas kelembapan dalam sektor hartanah.

"Kehadiran Aseana Properties dalam lembaga pengarah juga akan meningkatkan nilai projek pembangunan ini berdasarkan trek rekodnya dalam pembangunan hartanah mewah," ujar beliau.